SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU
2025

16 - 31 JANUARI, 2025

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Perkukuh industri herba

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**JABATAN** Pertanian Negeri Pulau Pinang merancang untuk memperkukuhkan lagi industri herba di negeri ini melalui projek menaik taraf Taman Herba Bertam di sini.

Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, **FAHMI ZAINOL** berkata, adalah amat penting bagi Kerajaan Negeri mengusahakan tanaman bernilai tinggi, khususnya herba kerana Pulau Pinang mempunyai keluasan tanah yang agak terhad.

"Taman Herba Bertam seluas 2.03 hektar yang dibangunkan sejak 2019 kini menempatkan 200 spesies herba dan merupakan yang terbesar di negara ini.

"Antara herba bernilai tinggi yang terdapat di Taman Herba Bertam adalah Kunyit Hitam, Tongkat Ali, Halia Bara, Mahkota Dewa dan banyak lagi.

"Fungsi utama taman herba ini adalah untuk menjana plasma yang mana Jabatan Pertanian Negeri mengumpulkan spesies-spesies herba bagi tujuan penyelidikan.

"Selain itu, kami juga mahu memberikan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan herba kerana generasi hari ini kebanyakannya sudah kurang mengenali tanaman bernilai tinggi ini.

"Selain menempatkan 200 spesies herba, Taman Herba Bertam juga dijadikan sebagai lokasi agropelancongan kerana turut menyediakan hostel untuk penginapan serta kafe minuman dan makanan," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui selepas merasmikan Hari Herba pada 12 November lalu.

Hadir sama, Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Mohd. Muhaimin Ibrahim; Pegawai Pertanian Kuatkuasa Negeri Pulau Pinang, Rozita Hamid serta wakil-wakil daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).






**FAHMI Zainol (berkemeja putih, tidak berkaca mata), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Hari Herba di sini baru-baru ini.**

Fahmi menyatakan bahawa bagi mengukuhkan lagi industri herba negeri, Jabatan Pertanian (Negeri Pulau Pinang) telah memohon peruntukan khas daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi menaik taraf Taman Herba Bertam di sini.

"Adalah penting untuk kita menaik taraf taman herba ini dengan menyediakan lebih banyak infrastruktur serta kemudahan yang diperlukan demi keselesaan pengunjung dan menarik lebih ramai kehadiran pelancong ke sini.

"Pada tahun lepas, Taman Herba Bertam mencatatkan jumlah pengunjung seramai 78,535 orang.

"Di samping itu, terdapat seramai enam usahawan yang aktif beroperasi di taman herba ini dan mencatatkan jumlah pendapatan kira-kira RM1.08 juta pada tahun sama," jelasnya sambil menambah bahawa Jabatan Pertanian Negeri menyasarkan untuk menempatkan kira-kira 300 spesies herba di sini.

Sementara itu, **MOHD. MUHAIMIN** memberitahu bahawa Taman Herba juga menjadi hab penyelidikan herba serta rujukan oleh para pelajar universiti dan penyelidik.

"Taman Herba Bertam menjadi salah satu rujukan bagi pelajar universiti dan penyelidik kerana tidak semua herba yang ada di sini ada di tempat-tempat lain.

"Ini kerana kami telah mengumpulkan herba dari pelbagai tempat dan menjadikan Taman Herba Bertam sebagai hab penyelidikan.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Lahirkan perantis usahawan



ANITA Idris (dua dari kanan) bersama-sama kakitangannya menunjukkan koleksi produk syarikat Koleksi Gemilang Enterprise yang menghasilkan produk kecantikan bawah jenama NittaCun.

"Malah, kami juga merupakan satu-satunya agensi kerajaan yang mendapat pengiktirafan sebagai pusat agropelancongan," ulasnya.

Bukan sahaja menjadi pusat agropelancongan negeri, malah Taman Herba Bertam turut membantu menjana aktiviti ekonomi kepada penduduk setempat.

Salah satu darinya merupakan Syarikat Koleksi Gemilang Enterprise yang menghasilkan produk kecantikan bawah jenama NittaCun merupakan antara usahawan yang mendapat manfaat secara langsung daripada pembangunan Taman Herba Bertam.

Pengasasnya, **ANITA IDRIS**, 51, ketika ditemui Buletin Mutiara berkata bahawa selepas hampir tujuh tahun beroperasi di dalam kawasan Taman Herba Bertam, perniagaannya kini berjaya mencatatkan nilai jualan kasar melebihi RM300,000.

"NittaCun mula masuk ke Taman Herba Bertam pada tahun 2017 sebagai usahawan perantis, dan selepas taman herba dibuka secara rasminya pada tahun 2019, kami mula menjalankan perniagaan secara serius.

"Terdapat enam usahawan di dalam Taman Herba Bertam yang menjalankan perniagaan berlainan seperti penginapan, spa, urutan tradisional Melayu, kafe makanan dan minuman berasaskan herba dan pusat pemprosesan herba," katanya dalam wawancara khas dekat premis perniagaannya di Taman Herba Bertam pada 13 November lalu.

## Penglibatan awal

Bercerita mengenai penglibatan awal dalam dunia perniagaan, Anita menyatakan bahawa beliau bermula dari bawah sebagai pekerja di sebuah syarikat kosmetik di Shah Alam, Selangor selama lebih tujuh tahun.

Menurutnya, selepas mengambil keputusan berhenti kerja dan kembali ke Pulau Pinang, beliau mula menjalankan perniagaan spa di rumah menggunakan produk yang dihasilkan sendiri daripada bahan-bahan semula jadi.

"Pengalaman selama tujuh tahun di syarikat kecantikan memberikan saya keberanian untuk terlibat dalam perniagaan spa dan jualan produk kecantikan berasaskan herba.

"Selepas beberapa tahun beroperasi dan mendapat sambutan menggalakkan, saya mula menghasilkan produk kecantikan (jamu) secara serius sehingga pada satu tahap saya terpaksa membuat pilihan antara spa dan perniagaan menjual produk.



**ANTARA herba yang terdapat di Taman Herba Bertam.**

"Akhirnya, saya memilih untuk menjalankan perniagaan kecantikan dan selepas mendapat bimbingan daripada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, maka wujudlah bengkel memproses produk kecantikan seperti yang ada kini," ujarnya.

Mengulas lanjut, Anita memberitahu bahawa produk keluaran NittaCun dihasilkan menggunakan herba-herba semula jadi yang didapati secara percuma di Taman Herba Bertam seperti manjakani, halia, limau purut, temulawak, daun pudina dan banyak lagi.

Tambahnya, antara produk kecantikan yang dipasarkan di bawah jenama NittaCun kini adalah berupa produk penjagaan diri seperti losyen, sabun pencuci muka, mandian dan minyak terapi.

"Produk keluaran NittaCun sudah berjaya dipasarkan bukan sahaja dalam negara tetapi turut mendapat permintaan tinggi di luar negara termasuk Singapura, Brunei, Indonesia dan Thailand.

"Terbaru kami dalam proses untuk memenuhi permintaan pasaran di Afrika Selatan dalam masa terdekat," jelas beliau.



**SEBAHAGIAN demonstrasi yang dijalankan bagi memproses herba.**

## Keistimewaan produk

Menyentuh mengenai keistimewaan produk keluaran NittaCun, Anita dengan yakin menyatakan bahawa semua produk yang dipasarkan adalah selamat digunakan kerana menggunakan bahan-bahan herba semula jadi.

Selain itu menurut Anita, semua produk juga dijual pada harga yang berpatutan dan mampu milik.

"Contohnya, produk mandian ini walaupun dihasilkan menggunakan herba-herba semula jadi bernilai tinggi seperti aloe vera, daun gelenggang *(Senna Alata)*, pokok bidara dan madu, tetapi hanya dijual dengan harga RM29 sebotol.

"Selain dapat melembutkan dan menghaluskan kulit tubuh, penggunaan gel mandian ini secara berterusan juga membantu mengurangkan parut pada badan serta menyelesaikan masalah kulit sensitif.

"Minyak Theraphy Bidara yang dihasilkan daripada sfera kayu putih *(Eucalyptus Globulus)*, pokok bidara *(Ziziphus Mauritiana)*, limau purut *(Kaffir Lime)*, daun pudina *(Peppermint)*, buah pala dan halia pula dijual pada harga RM15 bagi 60 mililiter (ml).

"Semua produk keluaran NittaCun boleh didapati secara dalam talian di platform *Tik Tok*, *Shopee* dan *Facebook* selain daripada ejen-ejen yang telah dilantik secara sah," ulasnya lanjut.

Selain memasarkan produk kecantikan, Anita memberitahu bahawa syarikatnya turut menawarkan perkhidmatan skim pengilangan kontrak (OEM) kepada pengusaha produk kecantikan yang ingin membina jenama sendiri.

## Perancangan masa depan

Ditanya mengenai perancangan masa depan, Anita menyatakan bahawa beliau menyimpan hasrat untuk menambah lagi produk jualan seperti syampu dan pembersih wanita yang dihasilkan menggunakan tumbuhan herba semula jadi.

"Kami menerima banyak permintaan untuk beberapa produk berasaskan herba yang lain tetapi tidak dapat dihasilkan buat masa ini kerana masih dalam peringkat penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta kajian kebolehpasaran.

"Selain itu, kami juga mempunyai impian agar suatu masa nanti produk kecantikan NittaCun dapat dipasarkan dengan meluas terutamanya di pasar raya mega seperti *Queensbay Mall, Gurney Plaza, Sunway Carnival Mall* serta banyak lagi," katanya.

Mengakhiri bicara, Anita turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan yang terlibat membantu meningkatkan perniagaan syarikatnya kini.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang yang telah mewujudkan Taman Herba Bertam ini yang dilihat membawa banyak manfaat kepada penduduk di sini terutamanya usahawan kecil seperti kami.

"Di samping itu, kami juga menghargai bantuan yang diberikan oleh Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan; Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan lain-lain yang telah membantu kami mengembangkan perniagaan ini.

"Dengan bantuan yang diberikan, kami mampu meningkatkan pendapatan perniagaan daripada hanya kurang RM2,000 sebelum ini kepada lebih RM300,000 setahun kini," katanya yang kini dibantu oleh tiga tenaga kerja.

# Rumah Pam Taman Merak Jaya beroperasi



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika meninjau rumah pam pada Majlis Perasmian Menaik Taraf Sistem Perparitan dan Membina Rumah Pam Taman Merak Jaya di sini baru-baru ini.

**BUKIT TAMBUN -** Projek menaik taraf sistem perparitan dan pembinaan Rumah Pam Taman Merak Jaya telah siap sepenuhnya pada Ogos, dan sudah mula beroperasi sejak awal September lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap agar projek yang menelan kos keseluruhan RM660,000 itu dapat mengurangkan risiko banjir kilat yang sering berlaku di kawasan berkaitan, khususnya menjelang musim tengkujuh kelak.

"Selain daripada Rumah Pam Taman Merak, terdapat dua lagi rumah pam di bawah penyelenggaraan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS) iaitu Rumah Pam Taman Helang dan Rumah Pam Transkrian di Nibong Tebal.

"Justeru, saya menggesa semua penduduk agar sentiasa menjaga kebersihan persekitaran dengan tidak membuang sampah di dalam longkang serta parit di sekitar taman ini.

"Ini kerana, sampah-sampah yang dibuang merata-rata boleh tersangkut di rumah pam dan menyebabkan longkang atau parit tersumbat sekali gus mengakibatkan berlaku banjir," katanya pada Majlis Perasmian Menaik Taraf Sistem Perparitan dan Membina Rumah Pam Taman Merak Jaya di sini 16 November lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, H'ng Mooi Lye; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Datuk Bandar MBSP, Dato' Baderul Amin Abdul Hamid; Ahli Majlis bagi MBSP, Heng Yeh Shiuan; Setiausaha Bandaraya MBSP, Mohd. Ibrahim Md. Nor dan Pengarah Kejuruteraan selaku Pengarah Projek Menaik Taraf Sistem Perparitan dan Membina Rumah Pam di Taman Merak, Mohd. Syukri Said.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow memaklumkan bahawa jumlah kerugian yang dicatatkan akibat banjir di Pulau Pinang, khususnya di Seberang Perai adalah sebanyak RM8.3 juta sebagaimana dilaporkan dalam Laporan Khas Impak Banjir di Malaysia Tahun 2023.

"Sebagai makluman, dalam kawasan Seberang Perai sahaja, secara keseluruhannya telah disenaraikan sebanyak 109 lokasi yang terdedah kepada ancaman banjir.

"Justeru, Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek-projek tebatan banjir di beberapa kawasan berisiko tinggi memandangkan perubahan cuaca semakin meruncing yang mana hujan lebat dan kenaikan paras air laut sering kali menjadi punca terjadinya banjir.

"Maka, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Tebatan Banjir telah meluluskan beberapa projek tebatan banjir, termasuk Rumah Pam Taman Merak Jaya ini," jelasnya yang juga merupakan Ahli Parlimen Batu Kawan.

Beliau memberitahu bahawa Kerajaan Negeri juga dalam usaha untuk melaksanakan lima lagi projek tebatan banjir di Seberang Perai termasuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Taman Sejahtera yang sedang dalam fasa perlaksanaan.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa pelaksanaan projek-projek tersebut menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan Pulau Pinang kekal berdaya tahan dan sesuai untuk didiami.

"Pada kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada MBSP kerana sikap proaktif mereka dalam mencari penyelesaian berkesan terhadap cara kerja dalam menghadapi banjir.

"Selain itu, usaha MBSP memperkenalkan *Integrated Flood & Pump House Monitoring System* (INFLOS) untuk memantau rumah pam serta keadaan banjir di kawasan berisiko tinggi juga harus dipuji," katanya.

Dalam pada itu, Mooi Lye berkata bahawa Kerajaan Negeri sedang melaksanakan beberapa projek RTB di negeri ini sejajar dengan usaha untuk mengurangkan 80 peratus banjir kilat di 63 lokasi berisiko banjir menjelang tahun 2030.

"Sebagai makluman, terdapat 36 reka bentuk terperinci projek tebatan banjir berjumlah RM16.2 juta dan 19 projek fizikal tebatan banjir berjumlah RM39.2 juta telah diluluskan peruntukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang tahun 2024 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM55.4 juta.

"Antara projek berskala besar yang telah diluluskan peruntukan adalah RTB Sungai Kechil yang masih dalam proses penilaian tender, RTB Sungai Jawi dan PTB Sanglang (Fasa 1), sedang dilaksanakan.

"Selain itu, terdapat juga beberapa projek RTB yang kini dalam peringkat kajian dan reka bentuk dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan MBSP dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri," ulasnya.

Baderul Amin yang turut berucap sebelum itu menyatakan bahawa sehingga kini, terdapat 27 rumah pam di bawah penyelengaraan MBSP di seluruh Seberang Perai iaitu lima di Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah, SPT (18) dan empat lagi di SPS.

"Di samping itu, terdapat dua projek yang masih dalam peringkat kajian oleh MBSP, iaitu Projek Kajian Mitigasi Banjir di Taman Kerapu di SPU dan Taman Impian di SPT.

"Terdapat juga beberapa projek tebatan banjir dalam perancangan dan pelaksanaan MBSP bagi tahun 2024 dan 2025, termasuk Projek Menaik Taraf Sistem Perparitan dan Kolam Tadahan di Taman Sejahtera; Projek Menaik Taraf Sistem Perparitan di Taman Machang Bubuk dan Projek Menaik Taraf Sistem Perparitan dan Membina Rumah Pam Di Taman Inderawasih," ujarnya.

## Profesion peguam syarie tunjang sistem perundangan syariah negeri

**GEORGE TOWN -** Seramai 55 calon berjaya diterima sebagai peguam syarie Pulau Pinang dan diberi kebenaran berguam di negeri ini bermula pada 1 Januari 2025.

Mewakili Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Timbalan Yang Dipertuanya, Prof. Emeritus Dato' Dr. Abd. Aziz Tajuddin menyampaikan surat tauliah kepeguaman syarie kepada mereka yang berkenaan dalam Majlis Pengisytiharan dan Pentauliahan Peguam Syarie Negeri Pulau Pinang 2025 di Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang dekat sini pada 3 November 2024.

Semasa menyampaikan ucapan perasmian, Abd. Aziz berkata bahawa Kerajaan Negeri melalui MAINPP dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP) berharap kesemua penerima tauliah berkenaan komited memelihara profesion sebagai pengamal undang-undang syariah yang mana sekali gus memartabat kedudukan sistem mahkamah syariah di negeri ini.

"Semua peguam syarie adalah sebahagian daripada tunjang kepada sistem kehakiman dan perundangan syariah.

"(Oleh itu,) kita sebagai umat Islam harus memelihara profesion ini dan menunjukkan kewibawaan sebagai seorang peguam syarie yang sepatutnya," jelasnya pada majlis berkaitan.

Turut berucap, Ketua Hakim Syarie JKSNPP, YAA Tuan Za'im Md. Yudin.

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Sukki Othman; Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pulau Pinang, YA Tuan Mohammad Zulkhairi Aziz; Ketua Pendaftar JKSNPP, Asrul Nizam Yahya; Penolong Penasihat Undang-Undang (Syariah) Negeri, Mohd. Hafiz Abd. Hamid dan Ketua Pendakwa Syarie merangkap Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri, Mohammad Zamri Roslan turut sertai istiadat majlis penyampaian tauliah kepada para peguam syarie baharu tersebut.




KAD permainan yang berwarna-warni dan menarik menjadi daya penarik kepada sesiapa sahaja untuk cuba bermain.

# Germ Attack! cambah minda

**BAHAGIAN** Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (BKKM, JKNPP) melakar sejarah apabila diumumkan sebagai johan Pertandingan Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang 2024 di bawah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi kategori Penyampaian Perkhidmatan baru-baru ini.

Kejayaan tersebut, membolehkan BKKM JKNPP yang diwakili oleh Kumpulan Funtastic menerima hadiah berupa wang tunai RM5,000 berserta trofi dan sijil penghargaan.

Susulan kejayaan itu, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **LAW SUUN TING** bertemu Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan) JKNPP, **RAFEAH SIBIL** di pejabat beliau bagi mencungkil rahsia di sebalik kemenangan tersebut pada 29 November lalu.

Menurut Rafeah, kumpulan Funtastic menampilkan Projek Germ Buster Edu-Card Games: Germ Attack!, iaitu sebuah set kad permainan pendidikan keselamatan makanan yang memfokuskan pengetahuan mengenai keracunan makanan seperti bakteria yang menjadi faktor penyumbang, simptom keracunan makanan, amalan baik untuk elakkan keracunan makanan dan langkah kawalan serta penambahbaikan apabila terjadinya keracunan makanan.

"Inovasi *Germ Buster Edu-Card Games: Germ Attack!* ini berfungsi sebagai alat pembelajaran kendiri *(self-learning tool)* dan alat bantuan mengajar *(teaching aid tool)* mengenai keselamatan makanan dengan cara menyeronokkan.

"Ia bertepatan dengan slogan kumpulan Funtastic iaitu *'We Make Food Safety Learning More FUN!*,'' ujarnya memulakan bicara.

Mengulas mengenai set kad permainan pendidikan itu, Rafeah menyatakan bahawa idea tercetus semasa negara dilanda pandemik yang mana ketika itu aktiviti promosi keselamatan makanan tidak dapat dijalankan secara fizikal.

"Maka, kami mengambil inisiatif untuk menyediakan suatu medium pembelajaran yang menyeronokkan berkaitan keselamatan makanan untuk semua peringkat usia khasnya para pelajar sekolah.

"Fokus set kad ini adalah maklumat-maklumat yang penting mengenai keracunan makanan.

"Sebelum ini, aktiviti promosi keselamatan makanan melibatkan kewangan, masa dan tenaga kerja yang tinggi, jadi hasil daripada beberapa sesi percambahan minda dan siri uji main *(playtesting)*, maka terciptalah *Germ Buster Edu-Card Games: Germ Attack!* Ini,'' jelasnya kepada Buletin Mutiara.

Apabila bercerita mengenai cabaran yang dihadapi, Rafeah memberitahu bahawa cabaran utama adalah aspek menilai keberkesanan inovasi ini pada peringkat pelaksanaan.

"Sebagai contoh, jika kita mencipta mesin memasak automatik, keberkesanannya dapat dinilai secara langsung apabila mesin itu beroperasi dengan baik dan mampu memasak makanan secara efisien.

"Namun bagi inovasi kami ini, kejayaannya bukan hanya dinilai melalui keberkesanan kad permainan yang telah siap dicipta tetapi juga melalui sejauh mana para pelajar dapat memahami mesej keselamatan makanan yang disampaikan seterusnya meningkatkan kesedaran mereka mengenai isu ini,'' katanya.

Selain itu, ulas Rafeah lagi, memastikan keseimbangan antara input teknikal dan elemen keseronokan supaya mesej keselamatan makanan sampai dengan cara menarik juga menjadi salah satu cabaran yang perlu ditempuh.

"Kami juga berdepan kekangan kepakaran dalam reka bentuk kad kerana semua ahli pasukan terdiri daripada Pegawai Teknologi Makanan sahaja.

"Jadi, kami banyak merujuk kepada beberapa kad permainan di pasaran bagi mendapatkan inspirasi dalam menambah baik penampilan kad permainan.

"Kini, kami mempunyai dua edisi bahasa iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, insyaAllah jika ada peluang akan turut dikeluarkan dalam bahasa Mandarin serta Tamil.

"Menilai pemahaman pelajar juga agak mencabar kerana kami perlu mendapatkan maklum balas daripada pihak sekolah dan ini memerlukan perancangan rapi serta kerjasama daripada pihak sekolah,'' jelasnya.

Dalam pada itu, Ketua Kumpulan Funtastic, **NOR IZWAN ISA** menzahirkan pengharapan agar inovasi *Germ Buster Edu-Card Games: Germ Attack!* dapat digunakan secara meluas.

"Bukan sahaja pada peringkat sekolah di Pulau Pinang, malahan di seluruh Malaysia.

"Kami percaya hasil inovasi ini mempunyai potensi besar untuk memberi impak positif dalam meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan makanan dalam kalangan pelajar dan guru sekolah di seluruh negara.

*(Sambungan di muka 6).*




**RAFEAH Sibil (dua dari kiri) dan Nor Izwan Isa (dua dari kanan) menunjukkan trofi dan plakad kemenangan Pertandingan Inovasi Peringkat Negeri Pulau Pinang 2024.**



PESERTA cilik menunjukkan bakat menyanyi dalam acara pertunjukan bakat.

# Hari Buletin

## acara tahunan erat hubungan komuniti setempat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & ALISSALA THIAN**

**BERTAM –** Edisi ketiga, Hari Buletin 3.0 yang berlangsung di Taman Vision diharap akan terus mengeratkan hubungan antara pemimpin Kerajaan Negeri dan rakyat tempatan sekitar Pulau Pinang terutama di Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Tanah dan Ekonomi dan Komunikasi dalam ucapannya berkata bahawa penganjuran kali ketiga Hari Buletin oleh Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Pejabat Ketua Menteri berkaitan adalah kesinambungan daripada dua kali penganjuran sebelum ini di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dan Barat Daya (BD).

"Penganjuran Hari Buletin sebagai acara tahunan akan menjelajah ke seluruh negeri Pulau Pinang sebagai satu platform interaksi seisi keluarga, dan pada masa sama mengeratkan hubungan rakyat serta Kerajaan Negeri.

"Jalinan usaha ini akan terus diperkukuh demi kesejahteraan rakyat secara umumnya," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan dalam majlis berkaitan di sini pada 17 November 2024.

Sejak Buletin Mutiara diwujudkan pada tahun 2010, Kon Yeow memberitahu bahawa ia bukan sahaja menjadi media penerangan Kerajaan Negeri bagi isu-isu semasa, malah wadah kepada rakyat supaya cakna dengan usaha serta dasar-dasar Kerajaan Negeri hari ini ke arah meningkatkan sosioekonomi penduduk negeri.

Peraduan mewarna, melukis, pertandingan reka bentuk kraftangan, pakaian beragam, pertunjukan bakat, kucing bergaya, 'Buletin 3.0 Olimpik' dan pameran agensi-agensi kerajaan antara acara menarik yang melibatkan penduduk setempat di sini.

Temui Hari Buletin 4.0 yang dijadualkan di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) pada tahun ini!



1



KETUA Menteri bersama-sama Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zulkifli Long dan para peserta yang menyertai acara *'evening walk'* sempena penganjuran Hari Buletin 3.0 dekat Vision Park Bertam baru-baru ini.



2

1. KANAK-KANAK yang mengambil bahagian memperagakan busana masing-masing dalam Pertandingan Pakaian Beragam.

2. AKTIVITI kraftangan yang turut menguji kreativiti para peserta terutamanya kanak-kanak.

3. PERTANDINGAN Buletin Mutiara 3.0 Olimpik yang menampilkan sukan-sukan tradisional turut diadakan.

4. PAMERAN aset oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut menggamit minat pengunjung yang hadir.



3



4

*(Sambungan dari muka 4).*

# Didik pelajar elak keracunan makanan

"Pada masa sama, ia dapat membantu mengurangkan terjadinya keracunan makanan di sekolah," katanya.

Bercakap mengenai pengkomersialan, Nor Izwan berharap *Germ Buster Edu-Card Games: Germ Attack!* dapat digunakan dengan meluas dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat umum khasnya pengendali makanan.



ANTARA pengiktirafan yang diterima pada peringkat negeri dan nasional.

"Kami berharap pembudayaan keselamatan makanan dapat diterapkan dengan lebih efisien dan betul dalam kehidupan seharian kita.

"(Dan) pastinya kami meletakkan harapan agar hasil inovasi ini dapat mengorak langkah ke peringkat antarabangsa melalui penyertaan pertandingan inovasi di luar negara.

"Salah satu daripada pertandingan inovasi peringkat antarabangsa yang ingin kami sertai adalah *Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition* (IPITEx) yang akan berlangsung pada 2 hingga 6 Februari 2025 sempena *Thailand Inventors' Day*.

"Kami percaya dengan pendedahan dan pengiktirafan yang diberikan, hasil inovasi ini berpotensi menjadi rujukan untuk negara luar," ulasnya lanjut.

Sebelum mengakhiri wawancara, Rafeah dan Nor Izwan menzahirkan penghargaan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang atas kerjasama yang amat baik sepanjang pelaksanaan sesi uji main *(playtesting)* di beberapa buah sekolah terpilih di negeri Pulau Pinang.

"Sokongan ini sangat membantu kami dalam mendapatkan maklum balas yang berharga untuk mempertingkat kualiti inovasi kami.

"Selain itu, kami juga menghargai usaha JKNPP dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah menjemput kumpulan kami menyertai bengkel pemurnian projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baru, ini sangat bermakna dalam mengukuhkan usaha inovasi kami.

"Seterusnya, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada kumpulan kami untuk menyertai Pertandingan Inovasi Negeri Pulau Pinang 2024 yang mana penglibatan semua pihak sama ada secara langsung mahupun tidak dalam menjayakan projek ini, sangat kami hargai," kata Rafeah yang juga merupakan penaung Kumpulan Funtastic.

Difahamkan, Kumpulan Funtastic dianggotai oleh sepuluh ahli. Selain Rafeah dan Nor Izwan selaku ketua, Kumpulan Funtastic turut dianggotai oleh Hamiza Othman; Mahanum Mahmud; Juliana Jaafar; Siti Anarita Mohamad; Khor Ruying; Muhammad Syamil Izwan Halili; Syairani Edlyana Dzulkifli dan Nur Alyaa Azhar.






# Projek fizikal PNBCAP jangka siap 2027

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**

**BAYAN LEPAS –** Program Adaptasi Iklim Berasaskan Alam Semula Jadi (PNBCAP) akan melibatkan beberapa langkah utama bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan yang sering terjejas.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan Negeri, Zairil Khir Johari berkata bahawa bagi menangani isu banjir di kawasan kejiranan Bayan Baru, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang bakal melaksanakan dua projek di bawah PNBCAP yang mana ia merupakan perintis hasil kerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat).

"Projek bagi membantu bandar-bandar menyesuaikan diri dengan perubahan iklim serta cuaca ekstrem melalui penyelesaian berasaskan alam semula jadi ini telah lama dirancang, dan ia bakal memberi manfaat besar kepada penduduk khususnya di kawasan berisiko tinggi.

> **"Projek bagi membantu bandar-bandar menyesuaikan diri dengan perubahan iklim serta cuaca ekstrem melalui penyelesaian berasaskan alam semula jadi ini telah lama dirancang, dan ia bakal memberi manfaat besar kepada penduduk khususnya di kawasan berisiko tinggi. "**
>
> **- ZAIRIL Khir Johari.**

"Fasa pertama projek ini akan melibatkan kerja-kerja di kawasan tertentu, termasuk pembinaan saliran baru dan pengubahsuaian sistem saliran sedia ada," ujarnya pada sidang media di sini 3 Disember lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengarah JPS Negeri, Ahmad Kamal Jamaludin; Penolong Pengarah Kanan JPS Negeri, Haslinda Mohamad Hamran; Pengurus Projek PNBCAP UN-Habitat, Dr. Kwan Soo Chen serta wakil-wakil kontraktor untuk dua projek PNBCAP berkaitan.

Sementara itu, Ahmad Kamal menyatakan bahawa kawasan kejiranan Bayan Baru dipilih untuk pelaksanaan PNBCAP bagi membantu mengurangkan risiko banjir yang kerap berlaku di kawasan itu.

"Program PNBCAP adalah yang pertama seumpamanya dalam negara dan antara tiga pihak yang terlibat berhubung pelaksanaannya adalah JPS, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan *Think City*.

"Di samping itu, Pulau Pinang turut menerima geran sebanyak USD10 juta daripada Dana Adaptasi untuk program PNBCAP ini," ujarnya.



**ZAIRIL Khir Johari.**

Difahamkan, kedua-dua projek tersebut iaitu Kolam Takungan Air di Lintang Nibong dan inisiatif *Blue Corridor* di sepanjang Sungai Keluang dijangka siap pada 2027.





KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT
Luas Tanah: ± 20' x 65' (Min.), ± 41' x 66' (Max.)
Harga: RM 673, 000 - RM 804 , 000




JENIS A
Luas Tanah: ± 20' x 70'
Harga: RM 414, 000 - RM 678, 000




JENIS B
Luas Tanah: ± 20' x 70'
Harga: RM 414, 000 - RM 773, 000

Taman Ara Damai

HAK MILIK KEKAL

KEMUDAHAN DAN KETERSAMBUNGAN

Taman Ara Damai merupakan kediaman yang ideal kerana terletak berdekatan dengan Tasek Gelugor dan Kubang Semang. Residensi ini berlokasi di Jalan Tasek Gelugor – Ara Kuda yang dihubungkan dengan baik melalui Lebuhraya Butterworth-Kulim, berhampiran dengan Bukit Mertajam dan Butterworth. Jelajahi keindahan alam semula jadi di Bukit Katak yang sesuai untuk anda seisi keluarga tanpa mengira usia. Kawasan perumahan ini mempromosi gaya hidup sihat, sejahtera komuniti alam lestari.




Qualified Management Consortium Sdn. Bhd. (1124430-T)
No. 1, Jalan Desa Ara, Taman Desa Ara, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang.
Email : info@gsdland.com.my

Pemaju: Qualified Management Consortium Sdn. Bhd. | No. syarikat: 1124430-T | Lesen pemaju: 30673/01-2029/0015(N) | Tempoh sah: 10/01/2024 – 09/01/2029 | No. Permit Iklan & Jualan: 30673-1/11-2026/0991(N)-(L) | Tempoh sah: 04/11/2024 – 03/11/2026 | Tarikh dijangka siap: Nov 2026. | Hakmilik tanah: Hakmilik kekal | Pajakan tanah: Pegangan Bebas | Pelan diluluskan oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai | No. kelulusan pelan bangunan: MBSP/40/20-13/17 | Bilangan Unit: 188 unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A / 184 unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B / 41 unit Rumah Teres 1 Tingkat Jenis C | Harga: (Rumah Teres 1 Tingkat Jenis A) RM414,000 (min.) – RM678,000 (maks.) / (Rumah Teres 1 Tingkat Jenis B) RM414,000 (min.) – RM773,000 (maks.) / (Rumah Teres 1 Tingkat Jenis C) RM398,000 (min.) – RM633,000 (maks.) | Diskaun Bumiputera 5%.

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

Semua lukisan dan ilustrasi di sini adalah tanggapan pelukis sahaja. Semua pelan, ukuran spesifikasi dan maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada variasi, pindaan, dan perubahan yang mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa berkaitan atau arkitek projek tanpa pemberitahuan terlebih dahulu untuk pembelian dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran atau kontrak.

1700 818 365

# Jelajah Tani

## platform dekati usahawan asas tani setempat



FAHMI Zainol (berkemeja-t jingga) dan Ahmad Razaaim Azmi (berkemeja-t biru) turut turun padang menyertai acara di kawasan bendang.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **PEJABAT EXCO**

**PROGRAM** Jelajah Tani 2024 anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Incorporated memberi peluang kepada kerajaan untuk merapatkan hubungan silaturahim dengan petani dan usahawan industri asas tani.

Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, **FAHMI ZAINOL** berkata bahawa melalui program jelajah tersebut, pelbagai aktiviti dan acara termasuk gerai jualan diadakan yang bertujuan mempromosikan industri asas tani kepada masyarakat setempat.

"Program berkaitan sangat bermakna, dan saya sangat gembira kerana diberi peluang untuk bersama-sama usahawan tani yang telah berjaya memberi sumbangan dalam meningkatkan pengeluaran makanan berasaskan tanaman sekali gus menyumbang terhadap keterjaminan makanan di negeri ini.

"Program ini juga merupakan platform untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agensi di bawahnya untuk berjumpa dengan para petani, penternak dan nelayan bagi memantau peruntukan yang diberikan serta projek-projek yang dijalankan sepanjang tahun," ujarnya sempena Program Jelajah Tani 2024 yang diadakan di Kampung Perlis, Balik Pulau pada 10 November 2024.

Menurut Fahmi, sektor agromakanan merupakan antara sektor terpenting bagi meningkatkan pendapatan rakyat dan pada masa sama menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan pada hari ini amat prihatin tentang keselamatan makanan *(food security)* kerana ia merangkumi tanggungjawab kerajaan agar rakyat mendapat makanan yang cukup, selamat dan mudah diakses.

"Selain itu, kita (Kerajaan Negeri) melihat bahawa melalui penggunaan sumber-sumber sedia ada yang optimum dalam pengurusan rantaian bekalan yang cekap dapat meningkatkan nilai tambah produk akhir.

"Malah, ia mampu menembusi pasaran yang lebih baik bagi menghasilkan pendapatan yang cukup lumayan kepada pengusaha dan memberi pulangan yang baik.

"Di samping itu, program ini juga dapat membantu memudah cara bagi para petani, penternak dan nelayan untuk memohon bantuan misalnya melalui Jabatan Pertanian yang banyak memberi bimbingan kepada usahawan industri asas tani tempatan," jelasnya.

Bercakap mengenai pemilihan daerah Barat Daya dan Timur Laut pada penganjuran kali ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak itu memaklumkan bahawa ia sebagai salah satu kaedah untuk mengetengahkan pertanian kepada penduduk khususnya anak muda dalam memperoleh pendapatan lumayan.

Selain sesi libat urus bersama-sama petani, penternak dan nelayan setempat, pelbagai aktiviti dan acara turut diadakan antaranya pemberian bantuan, sukan rakyat, sukaneka untuk kanak-kanak,jualan barangan runcit, jualan produk makanan basah dan kering dari pengusaha tempatan, pameran serta kaunter penerangan daripada agensi kerajaan terlibat.

Pengarah Pertanian Negeri, Mohd. Muhaimin Ibrahim dan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong, Ahmad Razaaim Azmi antara yang hadir mengiringi sepanjang siri jelajah di sini.



ANTARA petani dan penternak yang menerima bantuan peralatan sempena Program Jelajah Tani 2024 di Kampung Perlis baru-baru ini.



PERMAINAN bola sepak bendang yang menggamit nostalgia keseronokan zaman kanak-kanak juga diadakan sempena Program Jelajah Tani 2024 di Kampung Perlis baru-baru ini.

# Pulau Silikon fokus siapkan tapak depoh LRT



KAEDAH *'vertival drain'* digunakan bagi mempercepatkan kerja-kerja pemampatan tanah serta mengeluarkan air lebihan di tapak depoh LRT.

**SELEPAS** setahun kerja-kerja penambakan berjalan, kemajuan projek Pulau Silikon kini telah mencapai 70 ekar (28 hektar) daripada luas keseluruhan 2,300 ekar yang dirancang pada sesi lawatan 10 Disember lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC), **DATO' SERI FARIZAN DARUS** berkata bahawa projek tambakan tersebut kini memberi keutamaan kepada tapak depoh bagi transit aliran ringan (LRT).

"Tanah untuk depoh LRT Laluan Mutiara di Pulau Silikon dijangka siap dan diserahkan kepada *MRT Corporation* menjelang akhir tahun 2025.

"Setakat ini, 70 ekar (28 hektar) daripada keseluruhan 2,300 ekar (931 hektar) pulau yang dirancang telah ditebus guna.

"Daripada tanah yang telah ditebus guna, enam ekar (2.4 hektar) telah disediakan untuk depoh, manakala kerja tebus guna untuk baki kawasan depoh akan diteruskan seperti dirancang bagi memenuhi jadual penyerahan.

"Mulai tahun 2025, kami menyasarkan kadar tebus guna sebanyak 300 hingga 400 ekar setiap tahun dan penyerahan kepada syarikat MRT Corporation menjelang akhir tahun 2025," ujarnya pada sesi lawatan tapak bersama-sama media ke Pulau Silikon pada 10 Disember lalu.

Menurut beliau, pembinaan depoh tersebut adalah amat penting dalam memastikan projek LRT dapat dimulakan segera.

Tambahnya, dalam menyegerakan kerja-kerja tambakan, pihak PIC mengoperasikan lima kapal pengangkut pasir yang beroperasi setiap hari dari punca galian di perairan Persekutuan (berhampiran sempadan Perak).

"Dianggarkan sebuah kapal pengangkut mampu menambak sehingga keluasan lima ekar.

"Di sekeliling tambakan pula, PIC memasang *'curtain silk'* sebagaimana diarahkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang akan memerangkap pasir daripada mencemari kawasan di luar lokasi tambakan.

"Pengoperasian *'curtain silk'* ini juga dipantau rapi oleh penyelam-penyelam, tidak terkecuali adalah pemeriksaan berkala daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) .

"Tambahan pula, projek ini adalah milik Kerajaan Negeri, jadi kita perlu tunjukkan contoh yang baik dari segi pematuhan dan sebagainya," maklum beliau yang juga mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



FARIZAN Darus.

Bagi mempercepatkan kerja-kerja tambakan dan mencapai hasil optimum, kaedah *'vertical drain'* digunakan bagi proses pemampatan tanah serta mengeluarkan air lebihan.

### Perhubungan

Jambatan sementara yang menghubungkan Pulau Silikon dengan kawasan Pulau Pinang akan siap pada Mac 2025 untuk memudahkan akses logistik bagi kerja-kerja infrastruktur di tapak.

"Jambatan sementara ini juga boleh digunakan sebagai laluan kerja-kerja pembinaan di Pulau Silikon sehingga jambatan kekal dibuka bagi kegunaan awam," jelasnya.

Tambah Farizan, jambatan kekal empat lorong sehala akan disiapkan dalam dua fasa.

### Masa depan Pulau Pinang

Farizan memberitahu bahawa Pulau Silikon adalah masa depan Pulau Pinang sehingga tahun 2050.

Apabila siap, Pulau Silikon akan menempatkan taman teknologi hijau, laluan basikal dan pejalan kaki sejauh lima kilometer, LRT, *bus rapid transit* (BRT), teksi air, sekolah dan kemudahan sukan.

"Dari segi ekonomi, Pulau Silikon dijangka memberi Impak Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) RM1 trilion, RM74.7 bilion (pelaburan) dan 220,000 (peluang pekerjaan) menjelang tahun 2050,'' ujarnya.

### Pelan Pengurusan Impak Sosial

Menyentuh mengenai Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP), PIC juga telah memperuntukkan sejumlah RM10.7 juta kepada nelayan Tahap 1 dan 2 yang terjejas melalui ex-gratia mahupun sumbangan bot baharu.

Setakat ini, difahamkan 877 nelayan layak sudah mendaftar dan 722 orang telah diselesaikan pembayaran 100 peratus.

"Manakala selebihnya adalah melibatkan mereka yang sedang memperbaharui dokumen, meninggal dunia atau tidak aktif.

"Baki penerima yang layak dengan dokumen sah akan dibayar selewat-lewatnya akhir bulan ini dan kesemua 77 tekong yang layak dari unit Permatang Tepi Laut juga telah menerima bot dan enjin baharu.



PENGGUNAAN lima kapal pengangkut pasir menjadikan kerja-kerja tambakan lebih cepat.

